

Headline **Barat kaji cara Iran tangani AIDS**
Date **28 Apr 2010**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Dunia**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **51**
Article Size **45 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **208**
PRValue **623**



Barat kaji cara Iran tangani AIDS

LIVERPOOL - Pakar-pakar kesihatan mungkin menjadikan sebuah negara yang tidak disukai iaitu Iran sebagai model bagi memerangi AIDS di kalangan penagih-penagih dadah.

Pakar-pakar di sebuah persidangan AIDS antarabangsa yang berlangsung pada minggu ini sedang mengkaji program pemberian jarum suntikan dan klinik *methadon* yang diperkenalkan Iran untuk memerangi AIDS.

Iran terlalu lama bergelut dengan jumlah-jumlah penagihan dadah yang terlalu ramai kerana kedudukan negara itu berdekatan dengan ladang-ladang dadah di Afghanistan.

Bagi menghalang wabak tersebut merebak, pemimpin-pemimpin Iran mengamalkan satu pendekatan yang mengejutkan dengan melaksanakan program pemberian jarum suntikan dan klinik *methadon*. - AP